

Sistem e-tanah tingkat ketelusan urusan PTD

Pulau Pinang dipilih perintis sebelum dilaksana ke seluruh negara

Oleh Fazi Abdullah

GEORETOWN: Masalah lewatan dan kerenah birokrasi dalam pengurusan pentadbiran tanah di Pejabat Tanah Daerah (PTD) di seluruh negara akan dapat diatasi dengan pelaksanaan sistem e-tanah.

Pulau Pinang dipilih untuk melaksanakan sistem berkenaan secara perintis akhir tahun depan sebelum diperluaskan ke seluruh negara secara berperingkat.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata pelaksanaan sistem itu dapat meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti sistem penyampaian menerusi bank data tanah.

Sistem itu akan dapat membantu orang ramai secara menyeluruh dalam urusan hal ehwal tanah kerana ia membabitkan perkara asas seperti

soal khidmat pelanggan, modul e-carian dan e-pembayaran.

Katanya, projek e-tanah kini berada pada tahap Pembangunan sistem secara menyeluruh.

Beliau berucap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) projek perintis sistem e-tanah antara Kerajaan Pusat dan kerajaan Pulau Pinang di sini, kelmarin.

Hadir sama Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Suboh Mohd Yassin dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Jamaludin Hasan.

Projek e-tanah adalah sistem yang berasaskan penggunaan teknologi web yang boleh dicapai di mana-mana saja. Antara ciri e-tanah ialah penggunaan teknologi maklumat dan peralatan komputer dan perkhidmatan berkonsepkan mesra pengguna

"Projek ini adalah langkah tersusun kerajaan menangani pelbagai isu berbangkit seperti kelewatan urusan di pejabat tanah, kerenah birokrasi dan kaedah penyimpanan data yang tidak sistematik"

Azmi Khalid
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

melalui khidmat kaunter setempat.

Kerajaan membelanjakan kira-kira RM55 juta bagi membangunkan sistem berkenaan di Pulau Pinang.

Azmi berkata, pelaksanaan e-tanah juga membolehkan produktiviti kakitangan PTD ditingkatkan, mempercepatkan proses membuat keputusan urusan tanah dan mengurangkan penggunaan kertas.

"Iajuga memudahkan pemantauan ke atas urusan tanah oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) atau PTD dan membolehkan kerajaan membuat perancangan secara lestari dalam Pembangunan tanah," katanya.

Beliau turut memberi jaminan sistem itu Selamat kerana mempunyai tahap keselamatan yang mantap.

Bagaimanapun, katanya, sistem keselamatan akan terus diperbaiki dari semasa ke semasa bagi mengelak sebarang cubaan menceroaboh oleh pihak tidak bertanggungjawab.